

Pilihanraya: MCA bersidang

SEGAMAT, Sabtu — Parti Gerakan akan mematuhi sebarang keputusan Barisan Nasional mengenai pembahagian kerusi, dalam pilihanraya kebangsaan akan datang.

Presidennya, Dr.Lim Keng Yaik, bagaimanapun, berkata bahawa partinya tidak akan teragak-agak meletakkan calon di semua kawasan pilihanraya di seluruh negara, sekiranya berulang peristiwa di mana anggota sebuah parti komponen Barisan Nasional bertanding sebagai calon bebas menentang tujuh calon Gerakan, di Pulau Pinang, dalam pilihanraya kebangsaan lalu.

“Terdapat peribahasa Cina yang menyebut bahawa jika anda boleh menggigit saya pada hari pertama sesuatu bulan, saya boleh menggigit anda balik pada hari ke-15,” katanya ketika merasmikan Seminar Politik Gerakan.

Turut hadir ialah Timbalan Presiden parti, Datuk Micheal Chen dan Timbalan Setiausaha Agungnya, Dr.Goh Cheng Teik.

Mengenai kenyataan Naib-Pengurus Gerakan Johor, Encik Mohamad Amil, bahawa beliau akan bertanding bebas sekiranya Gerakan tidak diberikan kerusi Buloh Kasap yang menjadi kawasan tradisi MIC, Dr. Lim berkata tiada tindakan akan diambil terhadapnya, tetapi kenyataan itu jelas menunjukkan harapan tersebut. Dan aspirasi parti Gerakan menghadapi pilihanraya.

Sementara itu, ketua-ketua bahagian dan cawangan MCA akan mengadakan satu perjumpaan di sini bulan depan bagi membincangkan persediaan

menghadapi pilihanraya awal bulan depan di sini.

“Dalam perjumpaan itu, kami akan membincangkan strategi serta meneliti perkembangan MCA setakat ini sebagai persediaan menghadapi pilihanraya,” ujar Presiden parti tersebut, Datuk Lee San Choon, hari ini.

Katanya, semua bahagian dan cawangan MCA telah diarah mengemaskinikan jentera pilihanrayanya akhir tahun lalu sebagai persediaan kemungkinan pilihanraya umum akan datang.

Datuk Lee menegaskan demikian kepada para pemberita selepas merasmikan konvokesyen pelajar-pelajar Kolej Tunku Abdul Rahman, di sini hari ini.

Dalam majlis konvokesyen itu, Datuk Lee San Choon yang juga Menteri Pengangkutan telah diangugerahkan Ijazah Kehormat Undang-undang dari Univerisiti Campbell, Amerika Syarikat.

Mengenai calon-calon yang bakal dipilih oleh MCA dalam pilihanraya akan datang, Datuk Lee menegaskan MCA akan memilih calon-calon yang dapat menumpukan perhatian lebih atau sepenuh masa dalam politik.

“Langkah ini perlu kerana meningkatnya harapan yang tinggi dari rakyat,” tegasnya lagi.

Bagaimanapun, Datuk Lee enggan menjelaskan jumlah muka baru yang akan bertanding dalam parti tersebut dalam pilihanraya akan datang.

Di samping itu beliau berpuas hati terhadap prestasi semua wakil rakyat dan Ahli Dewan Undangan Negeri MCA setakat ini.